

Parlimen: Laporan Jawatan Kuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Dibentang Di Dewan Rakyat Esok
Bernama
18 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) akan dibentang dan dibahaskan pada persidangan Dewan Rakyat esok.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata laporan itu akan dibentangkan oleh pengerusi jawatankuasa itu Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, yang juga Menteri Pengajian Tinggi, selepas sesi soal jawab lisan.

"Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) telah dibentang di atas meja ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebagaimana dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat 86(5), oleh yang demikian penyata tersebut tidak boleh disiarkan, embargo sehingga jam 11.30 pagi Selasa, 19 Jun 2012," katanya sejurus selesai sesi soal jawab lisan persidangan Dewan Rakyat Isnin.

Beliau berkata perbahasan mengenai laporan itu akan dimulakan dengan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 86(5) untuk mempertimbangkan penyata jawatankuasa itu.

Pada 20 Mac lepas, Dewan Rakyat meluluskan usul untuk menubuhkan jawatankuasa itu bagi meneliti isu-isu yang menjadi perhatian pihak awam serta standard keselamatan projek Lynas di Gebeng, Pahang.

Projek memproses nadir bumi itu mencetuskan kontroversi apabila orang awam mendesak kerajaan supaya menghentikan projek tersebut kerana dikhuatiri membawa kemudaratan kepada keselamatan penduduk setempat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673801>